

ANALISIS GENDER DALAM HUKUM ISLAM

Gender Analysis in Islamic Jurisprudence

Mohd Anuar Ramli *

ABSTRACT

This article tends to discuss about gender analysis and its application in Islamic jurisprudence. This method of analysis emerged due to the change in social structure that formed the pattern of social relations nowadays that are totally different from the traditional social relation. In accordance to this, there are also the emergence of gender discriminations in Muslims' societies nowadays. Among the criteria that are being utilised in this type of analysis such as the differentiation between the concept of sex and gender, the identification of the existence of several elements in gender relationship such as marginalization, subordination, double burden, gender stereotype, sexual harassment, and gender-violence based. This research shows that gender analysis is a relevant mechanism to be applied in evaluating gender relation in Islamic rulings. However, it still need to be based on the value of justice and fairness. This is due to the fact that, not all differences among genders in the perspectives of gender analysis imply gender injustice. Therefore, gender justice could be obtained by putting an element in its proper place and function.

Keywords: *Gender Analysis, Gender Inequality, Malaysian-Muslim Society, Women Rights*

* Pensyarah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, mohdanuar@um.edu.my.

PENGENALAN

Secara umumnya, wacana gender dalam hukum Islam, wujud tiga golongan berbeza.¹ Di antaranya aliran konservatif, liberal dan sederhana.² Aliran konservatif dikenali juga sebagai pola tradisional reduksionis yang menolak dan menafikan sama sekali kewujudan bias gender di dalam fiqh Islam. Pola ini yang rata-ratanya dipegang kuat oleh kalangan ulama tradisional. Mereka menolak sepenuhnya isu-isu gender dan feminisme. Selain itu, mereka memberikan tafsiran keagamaan yang agak ketat. Kelompok ini menetapkan wanita sebaiknya hanya berada di rumah, berperanan domestik semata-mata, wajib menutup muka bagi wanita, hatta memandu kereta dihukum sebagai haram bagi wanita.

Aliran Liberal rata-ratanya terdiri dari golongan lelaki dan wanita yang mendapat didikan daripada sistem pendidikan liberal barat dan mendapat pendedahan meluas dari sumber kajian barat terutama pasca modernisme. Mereka terpengaruh dengan gerakan feminisme Barat yang menuntut persamaan hak mutlak di antara lelaki dan wanita. Mereka melakukan *counter discourse*, demaskulinisasi epistemologi ilmu agama, dan merombak sistem patriaki-ortodoksi dalam masyarakat Muslim. Sebagai contoh, pewarisan lelaki dan wanita mesti dalam kuantiti yang sama bagi melambangkan kesetaraan gender. Aliran ini dapat dilihat dalam pemikiran Syahrur, Arkoun dan lain-lain.

Di antara dua pihak yang bertentangan tersebut, lahirnya aliran sederhana atau moderat yang menerima isu-isu gender dalam batas tertentu selagi dalam koridor Islam. Mereka lebih mengamalkan pendekatan yang selektif terhadap kedua-dua pola, ulama tradisional-tekstualis (menolak sama sekali) dan menilai pandangan feminis liberalis-kontekstualis (terima pendekatan

¹ Dalam pembahagian yang lain, tren ini dapat dibahagikan kepada tradisional, feminis dan reformis. Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. "Pemikiran Teologi Wanita Islam di Malaysia: Satu Analisis," *Perspektif: Jurnal Sains Sosial & Kemanusiaan*, UPSI. 2(1): 84-107.

² Jajat Burhanudin & Oman Fathurahman eds., *Tentang Perempuan Islam: Wacana dan Gerakan* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2004), 187-205.

barat secara mutlak) di dalam usaha reformasi terhadap isu bias gender. Mereka mentafsirkan ajaran agama dengan mengambilkira realiti semasa dan setempat khususnya berkaitan dengan wanita. Contohnya dalam isu poligami, diizinkan Islam tetapi dengan syarat-syarat tertentu. Begitu juga tafsiran mereka tentang kepimpinan wanita. Aliran ini dapat dilihat dalam pemikiran Muḥammad al-Ghazālī dan Yūsuf al-Qaraḏāwī. Aliran-aliran ini memberi kesan terhadap wacana gender dalam hukum Islam yang mana lahirnya pandangan yang bervariasi dalam menanggapi sesuatu isu gender.

Kesannya, terdapat pelbagai pendekatan yang diguna pakai dalam menganalisis gender oleh sarjana Islam sama ada bersifat sederhana mahupun longgar. Di antara metodologi ini adalah seperti *Double Movement* yang dikemukakan oleh Fazlur Rahman,³ *Hermeneutika Tafsir* Amina Wadud,⁴ *Double Investigation* oleh Fatima Mernissi,⁵ teologi pembebasan oleh Asghar Ali Engineer,⁶ dan Tafsir Kecurigaan (*suspicious exegesis*) oleh Zaitunah Subhan.⁷

Selain itu, terdapat juga beberapa metodologi yang telah diaplikasikan dalam analisis gender. Di antaranya, *Harvard Analytical Framework*, iaitu merupakan kerangka analisis gender yang pertama direkabentuk⁸ dan kemudiannya diadaptasi dalam *People-Oriented Planning Framework*,⁹ *Women's Empowerment*

³ Fazlur Rahman, *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* (Chicago: The University of Chicago Press, 1984).

⁴ Amina Wadud, *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1992).

⁵ Fatima Mernissi, *Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry*, trans. Mary Jo Lakeland (Cambridge: Blackwell, 1991).

⁶ Asghar Ali Engineer, *Islam and Liberation Theology: Essays on Liberative Elements in Islam* (New Delhi: Sterling Publishers, 1990).

⁷ Zaitunah Subhan, *Tafsir Kebencian: Studi Bias Gender Dalam al-Qur'an* (Yogyakarta: LkiS, 1999).

⁸ Suzanne Williams et al., *The Oxfam Gender Training Manual* (Oxford, UK: Oxfam Publication, 1994), 10.

⁹ Candida March et al., *A Guide to Gender-Analysis Frameworks* (Oxford, UK: Oxfam Publication, 1999), 43.

Matrix Framework dibangun oleh Sara Hlupekile Longwe dalam kajiannya di Zambia,¹⁰ dan *Social Relation Analytical Framework* dikemukakan oleh Naila Kabeer.¹¹ Semua kerangka dan pendekatan yang digunakan dalam menganalisis gender ini lebih cenderung kepada penelitian terhadap tingkah laku atau peranan gender dalam masyarakat khususnya berkaitan dengan pola hubungan gender dalam perspektif ekonomi. Namun, antara kajian yang menfokuskan aspek tekstual adalah pendekatan narratologi, yang meneliti teks-teks yang menjadi bahan bacaan dalam sesuatu masyarakat.¹²

Pada dasarnya, analisis ini timbul kesan kewujudan elemen ketidakadilan gender dalam masyarakat Islam. Kebiasaannya ketidakadilan ini dinisbahkan sebagai sebahagian ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, walaupun ia lebih merupakan satu tradisi masyarakat patriarki yang bercirikan struktur dan stratifikasi sosial masyarakat yang mengutamakan kaum lelaki. Dalam keadaan tersebut, wanita biasanya kelihatan seperti didiskriminasi, terpinggir malah mengalami kekerasan.

Situasi inferioriti wanita ini bukan sekadar wujud dalam realiti kehidupan harian, malah melibatkan teks-teks ajaran Islam seperti hukum Islam atau fiqh, tafsir dan tasawuf. Teks-teks agama ini dikatakan menyumbang kepada ketidakadilan gender dalam masyarakat Islam. Berasaskan faktor berkenaan, dalam artikel ini, analisis gender diaplikasikan dalam menilai kedudukan wanita dalam hukum Islam. Beberapa kriteria analisis gender diambil kira dalam penilaian tersebut bagi menjamin keadilan gender.

¹⁰ Sara Hlupekile Longwe, "Education for Women's Empowerment or Schooling for Women's Subordination?", ed. Caroline Sweetman, *Gender, Education, and Training*, cet. 3 (Oxford, UK: Oxfam Publication, 2004), 21.

¹¹ Naila Kabeer, *Triple Roles, Gender Roles, Social Relations: The Political Sub-Text of Gender Training* (Brighton, UK: Institute of Development Studies, 1992).

¹² Mieke Bal, "Narratology", dalam Lorraine Code ed., *Encyclopedia of Feminist Theories* (New York: Routledge Press, 2004), 357.

KONSEP ANALISIS GENDER

Dalam Islam umumnya dan dalam peradaban Melayu khususnya, tiada istilah yang tepat untuk memberi satu *world-view* jelas tentang istilah gender. Senario ini tidak bermakna, dalam tradisi masyarakat Muslim tiada sebarang persoalan gender dalam hubungan lelaki dan wanita. Namun, prinsip ajaran Islam serta nilai dan norma dalam tradisi masyarakat Muslim menjadi hubungan timbal balik dalam menentukan pola hubungan di antara keduanya. Justeru, istilah gender dipinjam ke dalam perbendaharaan kosa kata Bahasa Arab dengan perkataan *al-jindar* atau *al-naw' al-ijtimā'ī* dan dalam Bahasa Melayu dengan ejaan yang sama iaitu gender.

Istilah gender mula digunakan dalam bidang psikoanalisis sebelum dikembangkan dalam wacana feminisme.¹³ Secara etimologinya, gender¹⁴ merupakan perkataan Inggeris, yang dipinjam dari kosa kata lama Perancis *gendre genre* yang bererti *kind, genus, style*, yang mana sumber ambilannya dari bahasa Latin *gener* yang bermaksud *race, kind*.¹⁵ Dalam penggunaan biasa, ia bermaksud jenis kelamin atau jantina. Manakala dalam bahasa Malaysia, perkataan gender hanya masuk dalam daftar leksikon oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2005.¹⁶ Namun pengertiannya masih sama dengan erti asalnya kerana gender dari

¹³ Pada tahun 1976, istilah ini mula digunakan dalam bengkel “Subordination of Women” di University of Sussex. Lihat Jane L. Parpart et al., eds. *Theoretical Perspectives on Gender and Development* (Ottawa, Kanada: International Development Research Centre (IDRC), 2000), 37.

¹⁴ *Gender* (Bahasa Inggeris), *Geschlecht* (Bahasa Jerman), *Genre* (Bahasa Perancis), *Género* (Bahasa Sepanyol). Perbincangan lanjut pengertiannya dapat dilihat dalam Donna L. Haraway, “‘Gender’ for a Marxist Dictionary: The Sexual Politics of a Word”, eds. Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman, *Women, Gender, Religion: A Reader* (New York: Palgrave Macmillan, 2001), 51-52.

¹⁵ Walter W. Skeat, *The Concise Dictionary of English Etymology* (Hertfordshire, UK: Wordsworth Editions, 1993), 173; Friedrich Kluge & Frederick Lutz, *English Etymology* (Charleston, South Carolina: BiblioBazaar, 2008), 87.

¹⁶ Noresah Baharom et al., eds. *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 457.

segi literalnya masih diertikan sebagai jantina¹⁷ ataupun klasifikasi seksual.¹⁸

Dalam leksikon bahasa Indonesia, ia diterjemahkan sebagai jender¹⁹ bagi memberikan satu gambaran yang jelas dalam masyarakat setempat. Dalam penggunaan bahasa Arab, ia seerti dengan perkataan *al-jins*²⁰ dan *al-naw'* ataupun *al-naw' al-ijtimā'ī* tetapi perkataan *al-naw' al-ijtimā'ī* telah diterimapakai berbanding perkataan *al-jins*. Namun terdapat usaha untuk mengarabkan perkataan Inggeris tersebut ke dalam leksikon Arab menjadi *al-jindar*.²¹ Namun, istilah ini masih tidak diterima sepenuhnya dalam khalayak intelek Arab, khususnya para ulama. Mereka berpendapat pengertian perkataan gender masih lagi kabur dan berasaskan peradaban Barat.²²

Dari aspek terminologi, terdapat pentakrifan yang bervariasi terhadap perkataan gender. Ini kerana wacana gender telah mendapat perhatian yang serius dalam pelbagai disiplin ilmu, di antaranya sosiologi, biologi, psikologi dan neurologi. Kebiasaannya, pentakrifan ini didominasi oleh para feminis dan ia selari dengan aliran perjuangan mereka.

Istilah gender biasanya dihuraikan sebagai perbezaan antara lelaki dan wanita hasil daripada konstruksi sosio-budaya. Menurut Corsini, gender ditakrifkan sebagai aspek-aspek sosial atau kemasyarakatan yang berkaitan dengan seks. Ia merujuk kepada sifat maskulin (*masculinity*) dan feminin (*femininity*) yang dipengaruhi dengan kebudayaan, simbolik, stereotaip dan

¹⁷ Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan*, 457.

¹⁸ Nor Azizah Abu Bakar et al., eds. *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, cet. 2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 601.

¹⁹ Nasaruddin Umar, *Argumen Kesetaraan Jender Perspektif al-Qur'an* cet. 2 (Jakarta: Paramadina, 2001), 33.

²⁰ Munīr al-Ba'albakī, *al-Mawrid*, cet. 33 (Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malayin, 1999), 383.

²¹ Umaymah Abū Bakr dan Shīrīn Shukrī, *al-Mar'ah wa al-Jindar: Ilghā' al-Tamyīz al-Thaqāfī wa al-Ijtimā'ī bayn al-Jinsayn* (Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu'āşir, 2002).

²² Mathnā Amīn al-Kurdistānī dan Kāmīliyā Hīlmī Muḥammad, *al-Jindar: al-Mansha' - al-Madlūl - al-Athar* ('Ammān: Jam'iyah al-'Ifāf al-Khayriyyah, 2004), 40.

pengenalan diri.²³ Dalam *Encyclopedia of Women and Gender*, istilah gender dari segi sosialnya ditentukan konsep seseorang menjadi wanita (feminin) dan lelaki (maskulin).²⁴ Begitu juga pentakrifan di dalam *Encyclopedia of Human Ecology*, istilah gender merujuk kepada cara di mana wanita dan lelaki dijangka untuk bertindak sebagai wanita (feminin) atau lelaki (maskulin) dalam masyarakat.²⁵

Berdasarkan pentakrifan gender tersebut, dapat dirumuskan beberapa perkara asas. Di antaranya, perbincangan gender melibatkan lelaki dan wanita. Walaupun begitu perbincangan dalam kalangan feminis lebih menfokuskan kepada wanita sahaja, sedangkan dalam realiti masyarakat ketidakadilan tidak hanya terbatas kepada golongan jantina tertentu, malah dalam keadaan yang lain, kaum lelaki turut mengalami diskriminasi. Selain perbincangan yang melibatkan kedua-dua jantina, ia juga merangkumi peranan mereka dalam masyarakat yang mana ia adalah berasaskan konstruksi sosio-budaya-pensejarahan masyarakat bukan aspek biologi anatomi ataupun seksual.

Justeru, analisis gender merupakan pendekatan yang digunapakai bagi melakukan kajian tentang pola hubungan gender di dalam masyarakat. Pada asalnya, pendekatan ini banyak diaplikasi dalam aspek sosiologi dan ekonomi dalam rangka melakukan rekayasa terhadap golongan wanita (*gender empowerment*).

Ia merujuk kepada suatu proses analisis yang sistematik untuk mencatat kelaziman dan tingkat penyertaan lelaki dan wanita dalam suatu kegiatan yang membentuk sistem pengeluaran barang dan perkhidmatan tetapi pengembangannya diarahkan kepada peningkatan kualiti perencanaan (pembangunan) agar lebih meraikan keperluan sebenar wanita.²⁶ Ia merujuk pelbagai cara

²³ Raymond J. Corsini, *The Dictionary of Psychology* (Philadelphia: Psychology Press, 1999), 405.

²⁴ Judith Worell et al., *Encyclopedia of Women and Gender: Sex Similarities and Differences and The Impact of Society on Gender* (San Diego, USA: Academic Press, 2001), 55.

²⁵ Julia R. Miller et al., *Encyclopedia of Human Ecology* (California USA: ABC-CLIO, 2003), 322.

²⁶ Sugihastuti dan Siti Hariti Sastriyani, *Glosarium Seks dan Gender* (Yogyakarta: Penerbit Carasvati Books, 2007), 10.

yang digunakan bagi memahami hubungan di antara lelaki dan wanita, akses mereka terhadap sumber-sumber, aktiviti-aktiviti mereka, dan kekangan mereka hadapi antara satu sama lain.

Analisis gender memperlihatkan pelbagai peranan wanita, lelaki, kanak-kanak wanita dan lelaki mainkan dalam keluarga, masyarakat, dalam struktur ekonomi, undang-undang dan politik.²⁷ Menurut Jean Davinson, analisis gender merujuk kepada suatu kajian sistematik terhadap perbezaan antara wanita dan lelaki dalam masyarakat tertentu.²⁸

Selaras dengan itu, analisis gender digunakan untuk mengkaji dengan mendalam ketimpangan peranan, fungsi dan hubungan di antara lelaki dan wanita.²⁹ Dengan kata lain, ia merupakan satu analisis yang mempersoalkan ketidakadilan sosial dari aspek hubungan antara jenis kelamin.³⁰ Peranan utamanya adalah untuk memberi makna, konsepsi, andaian, ideologi dan praktik hubungan baharu antara lelaki dan wanita serta implikasinya terhadap kehidupan sosial yang lebih luas (sosial, ekonomi, politik dan budaya), yang tidak dilihat oleh teori atau analisis sosial lainnya. Justeru itu, analisis gender dilakukan untuk menambah serta melengkapi analisis sosial³¹ yang telah ada dan bukan menggantikannya.³²

Dalam perbincangan ini, analisis gender diaplikasikan bagi melihat ketimpangan antara lelaki dan wanita dalam hukum Islam. Ini kerana ia merupakan disiplin ilmu yang banyak mempengaruhi hubungan sosial dalam masyarakat Islam.

²⁷ Canadian International Development Agency (CIDA): <http://www.acdi-cida.gc.ca/CIDAWEB/acdicida.nsf/En/JUD-31194519-KBD>

²⁸ Jean Davison, "Gendered Terrains: Negotiating Land and Development, Whose Reality Counts?" eds. York W. Bradshaw & Stephen N. Ndegwa, *The Uncertain Promise of Southern Africa* (Indiana: Indiana University Press, 2001), 233.

²⁹ Mufidah Ch, *Paradigma Gender*, cet. 2 (Malang: Bayumedia Publishing, 2004), 2.

³⁰ Moh Roqib, *Pendidikan Perempuan* (Yogyakarta: Gama Media, 2003), 117.

³¹ Analisis sosial yang telah ada di antaranya analisis kelas dan analisis budaya.

³² Mansour Fakh, *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*, cet. 2 (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007), xii-xiii.

KRITERIA ASAS ANALISIS GENDER

Pengungkapan masalah kaum wanita dengan menggunakan analisis gender sering mendapat tentangan dari dalam kalangan kaum lelaki mahupun wanita sendiri. Ini kerana mempertanyakan status kaum wanita pada dasarnya adalah mempersoalkan sistem dan struktur yang telah mampan, bahkan mempertanyakan posisi wanita bererti menggoncang struktur dan *status quo* ketidakadilan tertua terhadap wanita dalam masyarakat di samping menggugat keistimewaan (*privilege*) yang dinikmati kaum lelaki.³³ Justeru dalam menganalisis gender, kriteria utama yang perlu diberi perhatian adalah membezakan di antara seks dan gender.

Perbezaan ini bagi mengelakkan berlakunya kesilapan paradigma dalam melakukan analisis untuk memahami ketidakadilan sosial yang menimpa kaum wanita. Hal ini kerana wujudnya kaitan erat di antara perbezaan gender (*gender differences*) dan ketidakadilan gender (*gender inequalities*) dengan struktur ketidakadilan masyarakat secara lebih luas.³⁴

Dalam melakukan identifikasi terhadap ketidakadilan ini, analisis gender perlu membezakan di antara apa yang disebut “seks” dan “gender”. Seks didefinisikan, sebagai perbezaan di antara lelaki dan wanita yang didasarkan pada ciri-ciri biologi. Sedangkan gender adalah perbezaan lelaki dan wanita secara sosial seperti wanita itu lemah lembut, emosional atau keibuan, sementara lelaki dianggap kuat, rasional dan perkasa.³⁵

Secara asasnya, perbezaan ini berkait rapat dengan teori *nature* dan *nurture*. Teori *nature* merujuk kepada pembahagian dan perbezaan antara lelaki dan wanita adalah berasaskan faktor biologi³⁶ dan anatomi, iaitu berhubung dengan ciptaan Allah SWT iaitu suatu yang mutlak.

Lazimnya, lelaki dan wanita dilahirkan dengan sistem reproduksi yang berlainan. Kaum wanita memiliki rahim, payu

³³ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 5.

³⁴ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 3.

³⁵ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 7-8.

³⁶ Arief Budiman, *Pembahagian Kerja Secara Seksual: Sebuah Perbahasan Sosiologis Tentang Peran Wanita di Dalam Masyarakat* (Jakarta: PT Gramedia, 1982), 2.

dara, ovarium, haid, hamil, melahirkan dan menyusui anak. Sementara kaum lelaki memiliki kemaluan yang dilengkapi dan sperma untuk pembiakan. Perbezaan ini merupakan ketentuan Allah SWT yang tidak berubah dari semasa ke semasa. Ini merupakan keistimewaan khusus kepada kaum lelaki dan wanita. Mereka tetap setaraf walau dari aspek biologi dan anatominya berbeza.³⁷ Oleh itu, kaum lelaki tidak lebih kerana kelakiannya, manakala kaum wanita tidak kurang kerana kewanitaannya. Dalam konteks ini, perbezaan hanya berlandaskan kualiti ketakwaan kepada Allah SWT.³⁸

Manakala teori *nurture* merupakan perbezaan yang berasaskan interpretasi sosial dan simbolik yang lahir dari proses belajar dalam lingkungan sesebuah masyarakat.³⁹ Dengan kata lain ia adalah pembinaan sosial (*social construction*) dalam kebudayaan sesebuah masyarakat. Perbezaan ini bersifat relatif, tidak kekal, boleh berubah berdasarkan ruang dan waktu. Pembinaan sosial berdasarkan karakteristik mencetuskan pembahagian peranan dan pekerjaan. Justeru, kaum lelaki biasanya berperanan di bidang umum dan produksi sedangkan kaum wanita bertanggungjawab dalam urusan rumahtangga, domestik dan reproduksi.⁴⁰ Perbezaan ini dapat dilihat dalam jadual 1.

Jadual 1: Perbezaan di antara teori *nature* dan *nurture*

TEORI <i>NATURE</i>	TEORI <i>NURTURE</i>
a. Biologi dan anatomi	a. Proses belajar dari lingkungan
b. <i>Biological deterministic</i>	b. <i>Social deterministic</i>
c. Ciptaan tuhan (<i>divine creation</i>)	c. Pembinaan sosial (<i>social construction</i>)
d. Kealaman	d. Kebudayaan (Patriaki/Bilateral)
e. Absolut (Tidak berubah)	e. Relatif (Berubah)
f. Tidak boleh bertukar	f. Boleh bertukar
g. Belaku sepanjang masa	g. Bergantung masa tertentu

³⁷ Muhammad Abdul Rauf, *The Islamic View of Women and the Family*, terj. Mahani Che Ibrahim, *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 18.

³⁸ Al-Quran, al-Ḥujurāt (49): 13.

³⁹ Arief Budiman, *Pembahagian Kerja*, 2.

⁴⁰ Zaitunah Subhan, *Tafsir Kebencian*, 23.

h. Berlaku di mana sahaja	h. Bergantung budaya setempat
i. Seks	i. Gender

Justeru, tiada seorang pun yang memperdebatkan jenis kelamin atau seks lelaki dan wanita. Ini kerana secara biologinya, organ-organ seks lelaki dan wanita memang berbeza. Namun dalam hal yang berhubung kait dengan maskulin dan feminin ataupun gender, ramai yang tidak bersepakat. Ketidaksepakatan ini berkait rapat dengan pertentangan antara aliran *biological determination* dan *social construction*.

Sehubungan dengan itu, dalam menganalisis gender, peranan lelaki dan wanita dianalisis sama ada ia selaras dengan keadilan gender atau tidak. Selain membezakan di antara seks dan gender, kriteria asas lain yang perlu diberi perhatian adalah:

i. Marginalisasi terhadap kaum wanita.

Iaitu peminggiran dan pemiskinan ekonomi terhadap wanita. Meskipun bukan semua marginalisasi disebabkan oleh ketidakadilan gender, namun apa yang menjadi persoalan dalam analisis gender adalah marginalisasi yang disebabkan oleh perbezaan gender.⁴¹ Contohnya upah kerja yang berbeza di antara lelaki dan wanita.

ii. Subordinasi terhadap wanita

Iaitu menjadi golongan bawahan atau kelas kedua pada salah satu jenis seks, yang secara umumnya terjadi pada kaum wanita. Di dalam rumahtangga, masyarakat mahupun negara, banyak keputusan dibuat tanpa mengambil kira kepentingan kaum wanita. Misalnya domestifikasi wanita dengan tanggapan tiada gunanya wanita belajar tinggi-tinggi, yang akhirnya akan ke dapur juga. Bentuk atau mekanisme dari proses subordinasi tersebut dari waktu ke waktu dan dari tempat ke tempat berbeza.⁴²

⁴¹ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 72.

⁴² Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 73.

iii. Stereotaip terhadap wanita

Iaitu pelabelan negatif (*stereotype*) terhadap jenis kelamin tertentu, dan akibat dari stereotaip ini terjadi diskriminasi serta berbagai ketidakadilan. Dalam masyarakat banyak stereotaip yang dilabelkan kepada kaum wanita yang akibatnya membatasi, menyulitkan, dan merugikan kaum wanita.⁴³ Contohnya wanita emosi, lemah lembut dan penggoda.

iv. Kekerasan (*violence*) terhadap wanita

Iaitu kekerasan fizikal dan mental terhadap wanita. Kekerasan fizikal yang kasar seperti pemerkosaan dan pemukulan, sehinggakan kekerasan dalam bentuk yang lebih halus seperti pemaksaan dalam hubungan seks, pelecehan seksual atau penderaan seksual (*sexual harassment*), manakala kekerasan mental seperti penafian hak nafkah batin dan ketergantungan dalam perkahwinan (digantung tidak bertali).⁴⁴

Terdapat empat jenis bentuk kekerasan yang berlaku dalam masyarakat, iaitu pertama, kekerasan langsung (*direct violence*) yang merujuk kepada tindakan menyerang fizikal atau psikologi seseorang secara langsung seperti pembunuhan, penyiksaan, pemukulan, pemerkosaan, penganiayaan, penculikan, kahwin paksa dan buruh paksa. Kedua kekerasan tidak langsung (*indirect violence*) iaitu tindakan yang membahayakan manusia, bahkan kadang-kadang sampai ancaman mati tetapi tidak melibatkan hubungan langsung antara mangsa dengan pihak yang melakukan kekerasan, termasuk juga kekerasan kerana pengabaian (*violence by omission*), contohnya pengabaian nafkah boleh menyebabkan kebuluran. Ketiga kekerasan represif (*refressive violence*) adalah pencabutan hak dasar untuk bertahan hidup dan dilindungi daripada kesakitan dan penderitaan. Ia berkait rapat dengan pelanggaran tiga hak manusia iaitu hak sivil, hak politik dan hak sosial. Contohnya larangan penyertaan dalam aktiviti sosial dan ekonomi. Keempat kekerasan alienatif (*alienating violence*) iaitu pencabutan hak individu termasuklah hak pertumbuhan emosi,

⁴³ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 74.

⁴⁴ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 75.

budaya dan intelektual. Contohnya pengasingan dari pergaulan sosial.⁴⁵

v. Beban kerja berganda terhadap wanita (*double burden*)

Iaitu peranan wanita yang berganda. Ini kerana peranan golongan wanita adalah menguruskan rumahtangga, dan dalam masa yang sama wanita juga menanggung beban kerja di luar rumah. Dengan kata lain peranan gender wanita yang memelihara kerapian tersebut, telah mengakibatkan timbulnya tradisi dan keyakinan masyarakat bahawa mereka harus bertanggungjawab terhadap segala pekerjaan rumahtangga. Sosialisasi peranan gender tersebut menyebabkan mereka rasa bersalah sekiranya tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut walaupun mereka turut terlibat dalam pekerjaan luar rumah.⁴⁶ Dalam perkembangan terbaharu, wujudnya konsep *triple burden*.⁴⁷

Kesemua manifestasi ketidakadilan tersebut saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain. Manifestasi ketidakadilan itu “tersosialisasi” kepada kaum lelaki dan wanita secara kuat, yang mana lambat laun akhirnya baik kaum lelaki mahupun wanita menjadi terbiasa dan percaya bahawa peranan gender itu seolah-olah menjadi lumrah.

ANALISIS GENDER DALAM HUKUM ISLAM

Hukum Islam bersifat dinamik. Ia selari dengan perubahan sosial masyarakat Islam. Dalam sejarah pembinaan hukum Islam, berlaku fasa perkembangan yang bersifat turun-naik. Bermula dari zaman Nabi SAW, para Sahabat, Imam mujtahid hinggalah ke fasa pasca tajdid, terdapat kepelbagaian pandangan dalam penetapan hukum Islam. Pandangan tersebut sama ada terlalu rigid atau ketat, ada

⁴⁵ Ridwan, *Kekerasan Berbasis Gender* (Yogyakarta: Fajar Pustaka, 2006), 58-62.

⁴⁶ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 75.

⁴⁷ *Triple role framework* digunakan oleh Caroline Moser. Lelaki dan wanita berperanan dalam peranan produktif, reproduktif serta pengurusan dan politik kemasyarakatan. Caroline O.N. Moser, *Gender Planning and Development* (New York: Routledge, 2003), 49.

yang agak longgar. Ia selaras dengan metodologi istinbat hukum yang digunapakai.

Walau bagaimanapun, dalam menganalisis gender dalam hukum Islam, beberapa elemen boleh diaplikasikan, di antaranya:

a. Marginalisasi Kaum Wanita Muslim

Dalam teks keagamaan terdapat pelbagai elemen ketidakadilan mengakibatkan kerugian kepada wanita, contohnya wanita tidak boleh memegang jawatan tertentu, tidak boleh bekerja serta perlu menetap di rumah dan wanita mendapat warisan separuh daripada bahagian lelaki.

b. Subordinasi Kaum Wanita Muslim

Tafsiran agama juga memainkan peranan yang penting dalam membenarkan dominasi terhadap kaum wanita. Persoalannya, mengapakah al-Quran menempatkan kedudukan lelaki di atas wanita? Dalam memahami ayat “الرجال قوامون على النساء” hendaklah dihuraikan sebagai deskripsi keadaan struktur dan norma sosial masyarakat pada masa itu, dan bukanlah suatu norma ajaran yang harus dipraktikkan.⁴⁸ Selain itu, timbul isu hak kahwin wanita dinombor duakan, bahagian waris wanita lebih kecil, wanita perlu mahram ketika bermusafir, wanita muslimah tidak boleh berkahwin dengan lelaki bukan Islam,⁴⁹ wanita tidak boleh menjadi imam solat lelaki, tidak boleh azan, tidak wajib solat jumaat berbanding lelaki, wanita muda dilarang ke masjid dan wanita perlu menutup aurat seluruh badan.

c. Stereotaip Kaum Wanita Muslim

Stereotaip merupakan pelabelan terhadap suatu kelompok tertentu yang mengakibatkan kerugian dan menimbulkan ketidakadilan. Salah satu jenis stereotaip itu adalah bersumberkan

⁴⁸ Kaukab Siddique, *The Struggle of Muslim Women*, terj. Arif Maftuhin, *Menggugat Tuhan yang Maskulin*, Jakarta: Paramadina, 2002), 11-13; Mansour Fakih, “Posisi Kaum Perempuan Dalam Islam: Tinjauan Dari Analisis Gender”, *Membincang Feminisme: Diskursus Gender Perspektif Islam*, ed. ke-2 (Surabaya: Risalah Gusti, 2000), 53.

⁴⁹ Mun'im Sirry, ed., *Fiqh Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*, cet. 7 (Jakarta: Paramadina, 2005), 164.

pandangan gender yang dikembangkan melalui satu keyakinan tafsiran keagamaan. Tetapi dalam kenyataannya banyak stereotip yang berhubung dengan sifat semulajadi kaum wanita yang direndahkan kerana adanya konstruksi gender masyarakat Islam yang bersumber tafsiran keagamaan. Misalnya, pandangan bahawa menstruasi (*haid*) yang merupakan kejadian semulajadi, telah melahirkan konstruksi sosial seolah-olah 'kotor' sehingga perkara buruk sering menimpa mereka.⁵⁰ Selain itu, wanita dianggap sebagai penggoda dan punca Adam diturunkan ke bumi. Wanita juga dianggap mempunyai tahap akal yang rendah, kurang daya ingatan dan lebih beremosi berbanding rasional.

d. Kekerasan terhadap Kaum Wanita Muslim

Kekerasan (*violence*) adalah suatu serangan atau pencerobohan terhadap fizikal mahupun mental dan psikologi seseorang. Kekerasan terhadap sesama manusia ini berdasarkan beberapa faktor. Salah satu dari kekerasan terhadap satu gender adalah disebabkan oleh anggapan gender atau *gender-related violence* yang berasaskan keyakinan atau tafsiran umat Islam terhadap keagamaannya. Bentuk-bentuk kekerasan tersebut adalah seperti pemukulan (ketika isteri nusyuz) atau penderaan yang terjadi dalam rumahtangga (*domestic violence*) termasuklah penyiksaan terhadap anak (*child abuse*).⁵¹ Selain itu termasuk juga kategori ini, kanak-kanak perempuan dikhitan, konsep mahram yang membataskan pergerakan wanita, wanita perlu ber'iddah dan berihdad selepas ditalak, sedangkan lelaki tidak.⁵²

e. Beban Kerja Kaum Wanita Muslim

Dalam Islam, peranan lelaki dan wanita dalam rumah tangga adalah berbeza yang mana lelaki berperanan sebagai ketua keluarga dan pencari nafkah sedangkan wanita berperanan menguruskan rumahtangga. Meskipun di dalam al-Quran tidak dijelaskan bahawa peranan mencari nafkah lebih bernilai berbanding menguruskan keperluan rumahtangga, namun kenyataannya terdapat diskriminasi penghargaan dan penilaian terhadap kedua-

⁵⁰ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 58.

⁵¹ Mansour Fakih, *Analisis Gender*, 55.

⁵² Zaitunah Subhan, *Kekerasan Terhadap Perempuan* (Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2004), 47-51.

dua peranan tersebut.⁵³ Dalam realiti semasa, kaum wanita perlu keluar mencari nafkah sama ada sebagai pencari nafkah utama atau sampingan, tetapi tanggungjawab rumah tangga tetap dibebankan padanya. Situasi ini menimbulkan dilema dalam rumah tangga.

PENILAIAN

Dalam perbincangan hukum Islam yang lebih luas, terdapat sejumlah perbezaan hukum di antara lelaki dan wanita.⁵⁴ Bagi sesetengah pengkaji, perbezaan ini menggambarkan ketidakadilan gender kerana menempatkan kedudukan wanita yang tidak sejajar dengan lelaki (*bias gender*).⁵⁵ Ini kerana kesetaraan gender ditafsirkan sebagai persamaan mutlak antara lelaki dan wanita. Setiap yang berbeza akan dianggap sebagai ketidakadilan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan wujudnya amalan yang bias gender namun dinisbahkan sebagai ajaran Islam, sedangkan ia lebih merupakan amalan tradisi suku (*tribal tradition*).⁵⁶ Contohnya pembunuhan kerana mempertahankan maruah. Ia bukan dari ajaran Islam, sedangkan dalam Islam nyawa manusia antara hak yang diutamakan berbanding maruah. Amalan ini banyak diamalkan di negara-negara Islam di Indo Pakistan dan Timur Tengah.

Selaras dengan kewujudan perbezaan-perbezaan hukum di antara lelaki dan wanita dalam hukum Islam, lahir persoalan, adakah Islam tidak menjamin kesetaraan gender dan melebihkan kaum lelaki daripada wanita? Dan adakah kaum wanita benar-benar mengalami bias gender? Ataupun ketidakadilan itu adalah hasil salah faham dalam menilai kedudukan lelaki dan wanita dalam Islam. Dengan kata lain, ketidakadilan tersebut bukan

⁵³ Zaitunah Subhan, *Kekerasan*, 62.

⁵⁴ Sa'd b. Shāri' b. 'Iwād al-Ḥarbī, *al-Aḥkām allatī Tukhālif fihā al-Mar'ah al-Rajul* (Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1415H); Sabīr 'Abd al-Raḥman Ṭa'imah, *al-Mar'ah al-Muslimah: Bayna Gharā'iz al-Bashar wa Hidāyah al-Islām* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2007), 165-168.

⁵⁵ Khoiruddin Nasution, *Fazlur Rahman Tentang Wanita* (Yogyakarta: Academia, 2002), 83.

⁵⁶ Mohd Anuar Ramli, "Bias Gender Dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam Dengan Tradisi Tempatan", *Jurnal Fiqh 7* (Jabatan Fiqh & Usul, APIUM, 2010): 49-70.

sebahagian ajaran keagamaan, sebaliknya tradisi masyarakat setempat atau pun ia adalah amalan yang menyimpang (*deviant*) dari syariat Islam dan budaya tempatan yang baik.

Menjawab persoalan ini, al-Qaraḍāwī menegaskan perbezaan di antara lelaki dan wanita dalam sesetengah hukum tidak bermakna jenis lelaki lebih mulia dan lebih hampir kedudukannya di sisi Allah SWT daripada jenis wanita. Sebaliknya perbezaan ini berkehendakkan tugas dan tanggungjawab yang sesuai dengan fitrah setiap lelaki dan wanita.⁵⁷ Sesungguhnya manusia yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah mereka yang paling bertaqwa, tidak kira sama ada lelaki atau wanita.

Namun begitu, golongan feminis Muslim menyifatkan koleksi pandangan hukum Islam hasil ijtihad ulama klasik sarat dengan elemen kekerasan,⁵⁸ bias gender dan tidak adil kepada golongan wanita.⁵⁹ Paradigma maskulin yang mendasari pelbagai keputusan hukum para ulama ini menjadi sebab utama terbentuknya diskriminasi komuniti Muslim terhadap wanita.⁶⁰ Dengan istilah lain, koleksi fiqh tersebut digelar sebagai fiqh patriaki (*fiqh al-abawī*),⁶¹ iaitu fiqh yang didominasi oleh kepentingan lelaki dan dalam masa yang sama ia merugikan kaum wanita. Contohnya, dalam perbincangan kitab kuning yang disifatkan sebagai bias gender adalah nilai wanita separuh harga lelaki dalam kesaksian dan pewarisan, wanita sebagai objek dalam rumah tangga, dan

⁵⁷ Naṣr Salmān & Su'ad Suthi, eds. *Fatāwā al-Nisā' li Aṣḥāb al-Faḍīlah Yūsuf al-Qaraḍāwī, wa Maḥmūd Shaltūt, wa 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, wa Muḥammad Mutawallī Sha'rawī wa Aḥmad Hamani* (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah), 574-577.

⁵⁸ Abdul Munir Mulkan, "Perspektif Sosiologis Kekerasan Fikih Terhadap Perempuan", ed. S. Edy Santosa, *Islam dan Konstruksi Seksualitas* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002), 201-204.

⁵⁹ Siti Musdah Mulia, *Islam dan Inspirasi Kesetaraan Gender* (Yogyakarta: Kibar Press, 2007), 58.

⁶⁰ Thoḥa Hamim, "Kata Pengantar" dalam *Mutiara Terpendam: Perempuan dalam Literatur Islam Klasik* (Jakarta: PT Gramedia, 2002), xxvi.

⁶¹ Syaḥiq Hasyim, *Hal-hal yang Tak Terpikirkan Tentang Isu-isu Keperempuanan dalam Islam* (Bandung: Mizan, 2001), 82-83.

wanita makhluk domestik.⁶² Sejalan dengan itu, dalam wacana semasa, mereka mengesyorkan beberapa pembaharuan hukum,⁶³ di antaranya: (i) bahawa asas perkahwinan adalah monogami,⁶⁴ dan perkahwinan poligami adalah tidak sah; (ii) batas umur calon suami atau calon isteri minimum 19 tahun, perkahwinan yang dilakukan oleh lelaki dan wanita di bawah usia tersebut –meskipun keduanya sudah baligh– tetap dinyatakan tidak sah; (iii) perkahwinan beza agama antara Muslim atau Muslimah dengan orang bukan Muslim disahkan;⁶⁵ (iv) calon suami atau isteri dapat mengahwinkan dirinya sendiri (tanpa wali), asalkan calon suami atau isteri itu berumur 21 tahun, berakal sihat, dan *rasyid/rasyidah*; (v) ijab-qabul boleh dilakukan oleh isteri-suami atau sebaliknya suami-isteri; (vi) masa ‘iddah bukan hanya dimiliki oleh wanita tetapi juga untuk lelaki. Masa ‘iddah bagi lelaki adalah seratus tiga puluh hari; (vii) talak tidak dimiliki oleh pihak lelaki sahaja, tetapi boleh dilakukan oleh suami atau isteri di dalam mahkamah dan (viii) bahagian waris anak lelaki dan perempuan adalah sama.⁶⁶ Selain itu, mereka turut menyarankan hak imam solat yang sama. Justeru, mereka menawarkan fiqh yang mendukung persamaan hukum di antara lelaki dan wanita sebagai lambang keadilan dalam Islam. Mana-mana teks keagamaan yang tidak mendukung persamaan

⁶² Masdar F. Mas’udi, “Perempuan di antara Lembaran Kitab Kuning”, eds. Lies M. Marcoes-Natsir dan Johan Hendrik Meuleman, *Wanita Islam Indonesia dalam Kajian Tekstual dan Kontekstual* (Jakarta: INIS, 1993), 156-160.

⁶³ Cadangan ini adalah intipati daripada draf “Pembaruan Hukum Islam: Counter Legal Draft Kompilasi Hukum Islam”, lihat Siti Musdah Mulia, “Menuju Hukum Perkahwinan Yang Adil: memberdayakan Perempuan Indonesia” ed. Sulistyowati Irianto, *Perempuan dan Hukum: Menuju Hukum Yang Berperspektif Kesetaraan dan Keadilan* (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2008), 144-172.

⁶⁴ Faqihuddin Abdul Kodir, *Memilih Monogami: Pembacaan Atas al-Qur’an dan Hadits Nabi* (Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2005), 96.

⁶⁵ Mun’im Sirry, ed., *Fiqh Lintas Agama*, cet. 7 (Bandung: Yayasan Wakaf Paramadina, 2007), 164.

⁶⁶ Hakim Junaidi, “Hak Waris Perempuan Separa Laki-laki,” ed. Sri Suhandjati Sukri, *Bias Jender dalam Pemahaman Islam* (Yogyakarta: Gama Media, 2002), 188.

kedudukan antara lelaki dan wanita ini akan didekonstruksi dan dipersoalkan secara tajam oleh golongan liberal.⁶⁷

Berdasarkan kenyataan tersebut, satu pendekatan semasa diperlukan untuk menganalisis pola hubungan di antara lelaki dan wanita dalam wacana hukum Islam. Dalam kajian ini, analisis gender yang digunakan adalah untuk melihat kewujudan elemen ketidakadilan terhadap wanita sama ada dalam fiqh kekeluargaan, fiqh ibadat, muamalah dan jenayah. Sekiranya ia wujud, sejauhmana kebenaran dakwaan ini dan adakah ia berpunca daripada ajaran Islam ataupun ianya bersumberkan tradisi masyarakat patriaki (*tribal tradition*) dan amalan tersebut terpesong (*deviant*) dari ajaran Islam yang murni serta adat yang baik.

Dalam penelitian penulis, perjuangan feminis khususnya dalam menegakkan keadilan gender lebih cenderung menggunakan pendekatan *gynocentric*⁶⁸ berbanding pendekatan *gender centric* yang mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak sama ada lelaki atau wanita. Menurut Anwar Harjono, perjuangan hak-hak kaum wanita tidak boleh bersifat konfrontatif dan dijalankan sendirian, sebaliknya mereka perlu bersama-sama dengan kaum lelaki kerana ia membabitkan hak kedua-dua pihak selain melibatkan keadilan sosial.⁶⁹

KESIMPULAN

Justeru, analisis ini juga perlu mengambil kira metodologi yang sewajarnya dan selaras dengan ketetapan al-Quran dan al-Sunnah bagi menjamin keabsahannya. Penerimaan pemikiran dan analisis gender Barat sepenuhnya yang hanya bersandarkan rasional kemanusiaan semata-mata tanpa mengambilkira nilai keagamaan dan tradisi budaya tempatan adalah tidak tepat

⁶⁷ Budhy Munawar Rachman, "Penafsiran Islam Liberal atas Isu-isu Gender dan Feminisme di Indonesia", ed. Siti Ruhaini Dzuhayatin, *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam* (Yogyakarta: PSW IAIN Sunan Kalijaga, 2002), 51.

⁶⁸ Pendekatan yang memusatkan kepentingan wanita, lawannya *androcentric* dan *phallogentric*.

⁶⁹ Anwar Harjono, *Indonesia Kita: Pemikiran Berwawasan Iman-Islam* (Jakarta: Gema Insani, 1995), 100.

dalam memperjuangkan keadilan sosial dalam kalangan wanita mahupun lelaki. Sedangkan, realiti kedudukan wanita dalam masyarakat Muslim adalah berbeza antara satu sama lain dan ia perlu ditanggapi dengan cermat dari perspektif dalam masyarakat itu sendiri (*ethnocentrism*). Pemakaian kacamata *eurocentrism* (berpusatkan sudut pandang barat atau Eropah) mungkin akan menimbulkan salah faham mentafsirkan tentang keadilan dalam budaya masyarakat Muslim umumnya dan hukum Islam khususnya. Ini kerana tidak semua perbezaan menggambarkan ketidakadilan dan tidak semua persamaan menggambarkan keadilan. Sebaliknya meletakkan sesuatu pada tempatnya merupakan asas keadilan dalam Islam.

Sehubungan itu, analisis gender boleh dijadikan satu instrumen analisis sosial yang berkesan sekiranya mengambilkira pandangan syariat Islam serta nilai tradisi masyarakat Muslim. Dengan itu, keseimbangan antara apa yang dicitrakan dalam syariat Islam dengan apa yang berlaku dalam realiti sosial dapat dianalisis dengan adil dan saksama.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Munir Mulkan. "Perspektif Sosiologis Kekerasan Fikih Terhadap Perempuan." ed. S. Edy Santosa. *Islam dan Konstruksi Seksualitas*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002.
- Anwar Harjono. *Indonesia Kita: Pemikiran Berwawasan Iman-Islam*. Jakarta: Gema Insani, 1995.
- Arief Budiman. *Pembahagian Kerja Secara Seksual: Sebuah Perbahasan Sosiologis Tentang Peran Wanita di Dalam Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, 1982.
- Bal, Mieke. "Narratology." Dalam *Encyclopedia of Feminist Theories*. ed. Lorraine Code. New York: Routledge Press, 2004.
- Al-Ba'albakī, Munīr. *Al-Mawrid*. Cet. 33. Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malayin, 1999.

- Budhy Munawar Rachman. "Penafsiran Islam Liberal atas Isu-isu Gender dan Feminisme di Indonesia." ed. Siti Ruhaini Dzuhayatin. *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam*. Yogyakarta: PSW IAIN Sunan Kalijaga, 2002.
- Canadian International Development Agency (CIDA): <http://www.acdi-cida.gc.ca/CIDAWEB/acdicida.nsf/En/JUD-31194519-KBD>.
- Corsini, Raymond J. *The Dictionary of Psychology*. Philadelphia: Psychology Press, 1999, 405.
- Davison, Jean. "Gendered Terrains: Negotiating Land and Development, Whose Reality Counts?" eds. York W. Bradshaw & Stephen N. Ndegwa. *The Uncertain Promise of Southern Africa*. Indiana: Indiana University Press, 2001.
- Engineer. Asghar Ali. *Islam and Liberation Theology: Essays on Liberative Elements in Islam*. New Delhi: Sterling Publishers, 1990.
- Faqihuddin Abdul Kodir. *Memilih Monogami: Pembacaan Atas al-Qur'an dan Hadits Nabi*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2005.
- Fazlur Rahman. *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: The University of Chicago Press, 1984.
- Hakim Junaidi. "Hak Waris Perempuan Separa Laki-laki." ed. Sri Suhandjati Sukri. *Bias Jender dalam Pemahaman Islam*. Yogyakarta: Gama Media, 2002.
- Haraway, Donna L. "'Gender' for a Marxist Dictionary: The Sexual Politics of a Word." eds. Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman. *Women, Gender, Religion: A Reader*. New York: Palgrave Macmillan, 2001.
- Al-Ḥarbī, Sa'd b. Shāri' b. 'Iwaḍ. *Al-Aḥkām allatī Tukhālif fihā al-Mar'ah al-Rajul*. Riyāḍ: Dār al-Muslim, 1415H.

- Jajat Burhanudin & Oman Fathurahman, eds. *Tentang Perempuan Islam: Wacana dan Gerakan*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2004.
- Kabeer, Naila. *Triple Roles, Gender Roles, Social Relations: The Political Sub-Text of Gender Training*. Brighton, UK: Institute of Development Studies, 1992.
- Khoiruddin Nasution. *Fazlur Rahman Tentang Wanita*. Yogyakarta: Academia, 2002.
- Kluge, Friedrich & Lutz, Frederick. *English Etymology*. Charleston, South Carolina: BiblioBazaar, 2008.
- Longwe, Sara Hlupekile. "Education for Women's Empowerment or Schooling for Women's Subordination?" ed. Caroline Sweetman. *Gender, Education, and Training*. Cet. 3. Oxford, UK: Oxfam Publication, 2004.
- Al-Kurdistani, Mathna Amin dan Kamiliya Hilmi Muhammad. *Al-Jindar: al-Mansha'-al-Madlul-al-Athar*. 'Ammān: Jam'iyyah al-'Ifāf al-Khayriyyah, 2004.
- Mansour Fakih. "Posisi Kaum Perempuan Dalam Islam: Tinjauan Dari Analisis Gender." *Membincang Feminisme: Diskursus Gender Perspektif Islam*. Ed. ke-2. Surabaya: Risalah Gusti, 2000, 53.
- Mansour Fakih. *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*. Cet. 2. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007.
- March, Candida et al. *A Guide to Gender-Analysis Frameworks*. Oxford, UK: Oxfam Publication, 1999.
- Masdar F. Mas'udi. "Perempuan di antara Lembaran Kitab Kuning." Lies M. Marcoes-Natsir dan Johan Hendrik Meuleman, eds. *Wanita Islam Indonesia dalam Kajian Tekstual dan Kontekstual*. Jakarta: INIS, 1993.
- Mernissi, Fatima. *Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry*. Trans. Mary Jo Lakeland, Cambridge: Blackwell, 1991.

- Miller, Julia R. et al. *Encyclopedia of Human Ecology*. California USA: ABC-CLIO, 2003, 322.
- Moh Roqib. *Pendidikan Perempuan*. Yogyakarta: Gama Media, 2003.
- Mohd Anuar Ramli. "Bias Gender Dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam Dengan Tradisi Tempatan." *Jurnal Fiqh* 7, Jabatan Fiqh & Usul, APIUM, 2010, 49-70.
- Moser, Caroline O.N. *Gender Planning and Development*. New York: Routledge, 2003.
- Mufidah Ch. *Paradigma Gender*. Ce. 2. Malang: Bayumedia Publishing, 2004.
- Muhammad Abdul Rauf. *The Islamic View of Women and the Family*. Terj. Mahani Che Ibrahim. *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Mun'im Sirry ed. *Fiqih Lintas Agama*. Cet. 7. Bandung: Yayasan Wakaf Paramadina, 2007.
- Nasaruddin Umar. *Argumen Kesetaraan Jender Perspektif al-Qur'an*. Cet. 2. Jakarta: Paramadina, 2001.
- Naṣr Salmān & Su'ad Suthi, eds. *Fatāwā al-Nisā' li Aṣḥāb al-Faḍīlah Yūsuf al-Qaraḍāwī, wa Maḥmūd Shaltūt, wa 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, wa Muḥammad Mutawallī Sha'rawī wa Aḥmad Ḥamānī*. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Nor Azizah Abu Bakar et al., eds. *Kamus Inggris-Melayu Dewan*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Noresah Baharom et al., eds. *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Parpart, Jane L. et al., eds. *Theoretical Perspectives on Gender and Development*. Ottawa, Kanada: International Development Research Centre (IDRC), 2000.

- Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. "Pemikiran Teologi Wanita Islam di Malaysia: Satu Analisis." *Perspektif: Jurnal Sains Sosial & Kemanusiaan*. UPSI. 2 (1): 84-107.
- Ridwan. *Kekerasan Berbasis Gender*. Yogyakarta: Fajar Pustaka, 2006.
- Sābīr ‘Abd al-Raḥman Ṭa‘īmah. *Al-Mar’ah al-Muslimah: Bayna Gharā’iz al-Bashar wa Hidāyah al-Islām*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2007.
- Siddique, Kaukab. *The Struggle of Muslim Women*. Terj. Arif Maftuhin. *Menggugat Tuhan yang Maskulin*. Jakarta: Paramadina, 2002.
- Siti Musdah Mulia. "Menuju Hukum Perkahwinan Yang Adil: memberdayakan Perempuan Indonesia." ed. Sulistyowati Irianto. *Perempuan dan Hukum: Menuju Hukum Yang Berperspektif Kesetaraan dan Keadilan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2008: 144-172.
- Siti Musdah Mulia. *Islam dan Inspirasi Kesetaraan Gender*. Yogyakarta: Kibar Press, 2007.
- Skeat, Walter W. *The Concise Dictionary of English Etymology*. Hertfordshire, UK: Wordsworth Editions, 1993.
- Sugihastuti dan Siti Hariti Sastriyani. *Glosarium Seks dan Gender*. Yogyakarta: Penerbit Carasvati Books, 2007.
- Syafiq Hasyim. *Hal-hal yang Tak Terpikirkan Tentang Isu-isu Keperempuanan dalam Islam*. Bandung: Mizan, 2001.
- Thoḥa Hamim, "Kata Pengantar." Dalam *Mutiara Terpendam: Perempuan dalam Literatur Islam Klasik*. Jakarta: PT Gramedia, 2002.
- Umaymah Abū Bakr dan Shīrīn Shukrī. *Al-Mar’ah wa al-Jindar: Ilghā’ al-Tamyīz al-Thaqafī wa al-Ijtimā’ī bayn al-Jinsayn*. Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 2002.

- Wadud, Amina. *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1992.
- Williams, Suzanne et al. *The Oxfam Gender Training Manual*. Oxford, UK: Oxfam Publication, 1994.
- Worell, Judith et al. *Encyclopedia of Women and Gender: Sex Similarities and Differences and The Impact of Society on Gender*. San Diego, USA: Academic Press, 2001.
- Zaitunah Subhan. *Kekerasan Terhadap Perempuan*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2004.
- Zaitunah Subhan. *Tafsir Kebencian: Studi Bias Gender Dalam al-Qur'an*. Yogyakarta: LkiS, 1999.

